

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEMUDAHAN LOGISTIK**

### **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

1. Setiap permohonan kemudahan logistik oleh pihak Jawatankuasa Penduduk (JKP) MBSJ perlu dibuat melalui sistem E-Logistik.
2. Pemohon perlu membuat permohonan selewat-lewatnya 7 hari dari tarikh penggunaan.
3. Kelulusan permohonan kemudahan logistik adalah dengan mengambil kira penggunaan logistik bagi majlis/program rasmi anjuran Majlis Bandaraya Subang Jaya dan baki peralatan/kemudahan yang ada.
4. Makluman status permohonan kemudahan logistik akan dimaklumkan dalam masa 3 hari bekerja selepas tarikh permohonan diterima.
5. Pemohon bertanggungjawab terhadap kehilangan, kerosakan, dan keselamatan peralatan/kemudahan logistik yang disediakan sepanjang penggunaan.
6. Majlis Bandaraya Subang Jaya berhak membuat tuntutan ganti rugi atau penggantian jika berlaku kehilangan/kerosakan keatas kemudahan logistik yang digunakan.
7. Sebarang perubahan tertakluk kepada pindaan Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan permohonan kemudahan logistik boleh menghubungi Bahagian Pentadbiran Am, Jabatan Khidmat Pengurusan ditalian 03-8026 7416 / 7429.